

akan bertugas sepanjang  
Ops Sikap ke-23 bermula hari  
ini sehingga 10 Februari.



# Kematian meningkat

Jumlah mangsa maut akibat kemalangan membimbangkan

Sinar 27/1/2011 M9.

AHMAD NORMAN ABU TALIB

**PETALING JAYA** – Peningkatan jumlah kematian akibat kemalangan amat membimbangkan apabila meningkat 1.9 peratus pada tahun lalu iaitu sebanyak 6,872 kes berbanding 6,745 kes pada 2009.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Khalid Abu Bakar berkata, jumlah kemalangan maut turut meningkat daripada 6,218 kes pada 2009 kepada 6,260 kes tahun lalu.

Menurutnya, bagi jumlah ke-

seluruhan kemalangan pula, sebanyak 414,421 dilaporkan pada 2010 berbanding 397,330 pada tahun sebelumnya.

“Berdasarkan statistik, terdapat peningkatan jumlah kematian dan ini ternyata membimbangkan.

“Jika dilihat dari segi peratusannya memang kecil tetapi itu tidak membawa apa-apa makna kerana perbandingan bilangan kes menunjukkan jumlah yang besar.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pelancaran Ops Sikap ke-23 di Persada Projek

Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di sini, semalam.

Turut hadir, timbalannya, Datuk Wira Muhammad Sabtu Osman, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Solah Mat Hassan dan Pengerusi Plus, Tan Sri Datuk Mohd Sheriff Mohd Kassim.

Khalid berkata, polis menasarsakan penurunan lima peratus bagi kadar kemalangan sepanjang operasi tersebut menjelang perayaan Tahun Baru Cina.

Menurutnya, operasi tersebut akan bermula hari ini sehingga

10 Februari nanti dengan kerjasama agensi kerajaan seperti JPJ, Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam serta Plus.

Beliau menegaskan, polis tidak berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap pengguna jalan raya yang melanggar kesalahan lalu lintas terutama melibatkan kesalahan pemanduan melebihi had laju, tidak mematuhi isyarat lampu merah, selain kesalahan memotong garisan berkembar, memotong barisan serta menggunakan lorong kecemasan.

“Tiada sebarang kompaun diberikan kepada individu yang dikenakan saman sepanjang Ops Sikap ini. Mereka perlu bayar jumlah maksimum saman yang dikenakan,” katanya.

Khalid berkata, sebanyak 19 menara pemerhatian polis akan ditempatkan di jalan-jalan persekutuan dan lebuhraya di seluruh negara.

Tambahnya, polis juga akan memuat turun ke dalam laman rasmi Facebook polis berhubung senarai lokasi berbahaya di seluruh negara.